

DATE: 15/09/2007



BUKA PUASA: Abdullah bersama Johari (kanan), Dr Wan Abdul Aziz (dua dari kanan) dan Abdul Aziz pada majlis berbuka puasa di Putrajaya, semalam.

BH-15/9/2007

'Ramadan kali ini amat bermakna'

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyifatkan Ramadan kali ini amat bermakna dan menggembirakan kerana dapat menjalani ibadat puasa bersama isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, serta memperoleh seorang lagi cucu.

"Ini saat menggembirakan bagi saya menerima cucu baru dan menyambut Ramadan bersama isteri," katanya ketika ditemui pada majlis berbuka puasa anjuran Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

(KKDN) di Masjid Putra di sini, malam tadi.

Pada majlis itu, Abdullah dan Jeanne berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib, Isyak serta tarawih bersama kakitangan MOF, KKDN dan jemaah lain.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan; Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan; Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Johari Baharum; Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Helmi Yahaya dan Ketua

Setiausaha (KSU) Perbendaharaan, Datuk Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah.

Pada hari pertama Ramadan kelmarin, anak Perdana Menteri, Nori Abdullah, selamat melahirkan bayi lelaki yang juga anak sulungnya hasil perkahwinan dengan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, di Pusat Perubatan Pantai, Kuala Lumpur.

Bayi seberat 3.3 kilogram itu dilahirkan pada jam 1.25 petang.

Semalam, Abdullah dan Jeanne melawat cucu mereka.